



KENYATAAN MEDIA

Banci Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE) 2024: Memacu Masa Depan Tenaga

PUTRAJAYA, 6 JUN 2024 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan kerjasama Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia (MPRC) dan PETRONAS telah menganjurkan majlis pelancaran Banci Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE) 2024 dengan tema "Memacu Masa Depan Tenaga" pada hari ini. Majlis yang diadakan di Kuala Lumpur itu telah dirasmikan oleh YB Rafizi Ramli, Menteri Ekonomi dan dihadiri lebih daripada 250 orang peserta termasuk wakil-wakil pemain utama OGSE dan pelbagai agensi kerajaan.

Banci OGSE yang julung kali diadakan ini bertujuan mengukur prestasi sektor OGSE serta menetapkan penanda aras baharu untuk statistik OGSE di Malaysia, selaras dengan inisiatif yang digariskan dalam Pelan Hala Tuju Industri OGSE Kebangsaan (OGSE Blueprint) 2021-2030. OGSE Blueprint, telah dilancarkan pada bulan April 2021 di bawah Kementerian Ekonomi dan dipantau oleh MPRC, yang telah dirangka bagi membangunkan sektor OGSE Malaysia yang kukuh, berdaya tahan dan berdaya saing di peringkat global seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara yang lestari.

Blueprint ini menggariskan 18 indikator, meliputi sumbangan OGSE kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), eksport serta bilangan pekerja mahir dan separuh mahir, untuk memantau pembangunan sektor OGSE. Justeru, banci ini akan menyediakan data yang lebih tepat dan relevan untuk meningkatkan kualiti indikator OGSE dan membolehkan pembentukan dasar yang disesuaikan dengan keperluan holistik sektor OGSE.

Sebagai sebahagian daripada visinya untuk sektor OGSE berkembang pesat menjelang tahun 2030, OGSE Blueprint ini menyasarkan sumbangan sektor OGSE terhadap KDNK mencapai sekitar RM40 bilion hingga RM50 bilion; menggajikan 60,000 bakat mahir dan separuh mahir, manakala dijangkakan sebanyak 70 syarikat OGSE akan mempraktikkan dan melaporkan amalan kemampanan mereka. Selain itu, sesuai dengan komitmen Kerajaan untuk menyokong agenda Net-Zero seperti yang dinyatakan dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR), Banci OGSE turut memasukkan seksyen indikator Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir urus

(ESG) untuk menilai peralihan sektor OGSE dan memastikan ketersediaan untuk rendah karbon pada masa hadapan.

Banci OGSE 2024 meliputi sebanyak 3,582 pertubuhan di Malaysia yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan dan bekalan peralatan kepada syarikat-syarikat yang menceburi aktiviti hulu minyak dan gas. Maklumat yang dikumpulkan daripada banci ini termasuk aktiviti teras OGSE, pekerjaan, pendapatan, perbelanjaan, harta tetap, eksport dan parameter ekonomi lain.

Banci OGSE 2024 akan dijalankan melalui temuduga bersemuka oleh pegawai daripada DOSM Negeri dan banci ini dilaksanakan mulai hari ini, 6 Jun 2024 sehingga 30 September 2024. Maklumat yang dikumpulkan melalui Banci ini adalah selaras di bawah peruntukan Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989). Maklumat organisasi/individu yang diterima adalah sulit dan tidak akan didedahkan kepada sesiapa atau mana-mana institusi di luar Jabatan ini. Oleh itu, DOSM dan MPRC amat menghargai kerjasama responden yang terpilih dalam banci ini bagi membekalkan maklumat dan memastikan kejayaan banci ini.

Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

6 JUN 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

Oil and Gas Services & Equipment (OGSE) Census 2024: Driving the Future of Energy

PUTRAJAYA, 6 JUNE 2024 – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM), in collaboration with the Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC) and PETRONAS, organised the launching ceremony of the Oil and Gas Services & Equipment (OGSE) Census 2024 with the theme “Driving the Future of Energy”. The event which took place in Kuala Lumpur, was officiated by YB Rafizi Ramli, Minister of Economy and was attended by more than 250 participants including representatives from OGSE’s key players and various government agencies.

The inaugural OGSE Census aims to gauge the performance of the OGSE sector and establish a new benchmark for OGSE statistics in Malaysia, aligning with the initiatives outlined in the National OGSE Industry Blueprint (OGSE Blueprint) 2021-2030. The OGSE Blueprint, launched in April 2021 under the Ministry of Economy and overseen by its agency MPRC, is envisioned to develop a robust, resilient, and globally-competitive Malaysian OGSE sector that contributes to sustainable national development.

The blueprint identified 18 indicators, including OGSE contribution to Gross Domestic Product (GDP), exports as well as skilled and semi-skilled workers, to track the development of the OGSE sector. Hence, this census will provide an accurate and relevant data to enhance the quality of the OGSE indicators and enable policymaking tailored to the holistic needs of the OGSE sector.

As part of its vision for a thriving OGSE sector by 2030, the OGSE Blueprint targets for the OGSE sector’s contribution to GDP to reach approximately RM40 billion to RM50 billion; employing 60,000 skilled and semi-skilled talents, while it is anticipated that around 70 OGSE companies will adopt and disclose their sustainability practices. Furthermore, in line with the Government’s commitment to support the net zero agenda as outlined by the National Energy Transition Roadmap (NETR), the OGSE Census included a section on Environmental, Social and Governance (ESG) indicators to assess the OGSE sector’s transition and ensure its readiness for a decarbonised future.

The OGSE Census 2024 covers 3,582 establishments in Malaysia engaging in providing services and supplying equipment to companies involved in upstream oil and gas activities. The information collected from this census includes OGSE core activities, employment, revenue, expenditure, fixed assets, exports and other economic parameters.

The OGSE Census 2024 will be conducted through face-to-face interviews by officers from the DOSM State Offices, and the census begins today, 6 June 2024 until 30 September 2024. The information collected through this Census is in accordance with the provisions of the Statistics Act, 1965 (Revised-1989). The details of the organisation/individual received are confidential and will not be disclosed to anyone or any institution outside this Department. Therefore, DOSM and MPRC greatly appreciate the cooperation of respondents selected in this census in providing information and ensuring the success of this census.

Released by:

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
6 JUNE 2024